



KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

CIDB LATIH DAN AKREDIT LEBIH 400,000 PEKERJA MAHIR BINAAN

KUALA LUMPUR (9 MAC 2023) – CIDB Malaysia telah melatih dan mengakredit lebih 400,000 melalui Akademi Binaan Malaysia (ABM) dan CIDB Technologies (CIDB Tech) di enam (6) wilayah seluruh Malaysia sejak tahun 1997.

Jumlah pelatih mengikut wilayah adalah seperti berikut, Wilayah Tengah (62,920), Wilayah Selatan (66,087), Wilayah Timur (66,806), Wilayah Utara (68,854), Wilayah Sabah (76,546), Wilayah Sarawak (59,173) dan CIDB Tech (6,662).

Setiap tahun, CIDB memperuntukkan perbelanjaan sebanyak RM20 juta untuk Program Latihan Kompetensi Kemahiran Pembinaan. Objektif program ini adalah bagi menyediakan keperluan tenaga kerja yang kompeten untuk sektor pembinaan sekaligus mengurangkan kebergantungan negara kepada tenaga kerja asing.

Latihan yang dilaksanakan CIDB selaras dengan inisiatif kerajaan dalam memperkasa Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET). CIDB memberi tumpuan kepada tred-tred yang berimpak tinggi seperti, *Chargeman, Operasi Kren, Gas Pipe Fitter, Kimpalan dan Pemasangan Perancah. Plumbing, scaffolding, crane operation*. Tred berimpak tinggi adalah antara bidang yang mempunyai permintaan tenaga kerja yang paling tinggi dalam sektor pembinaan,

Bersempena Majlis Graduasi ini, **Timbalan Ketua Eksekutif 2** CIDB Malaysia, Sr Mohd Zaid Zakaria telah merasmikan dan menyampaikan Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan (SKKP), Anugerah Pelatih Cemerlang, Sijil Penghargaan dan Anugerah Ikon TVET Pembinaan.

Dalam majlis itu, seorang alumni ABM Wilayah Tengah iaitu **Ruthragenesh A/L Rangas Paran dinobatkan sebagai penerima Anugerah Ikon TVET Pembinaan**.

Ruthragenesh, 35 tahun adalah bekas pelatih dalam bidang Pemasang Paip & Sanitari pada tahun 2009. Beliau kini merupakan usahawan bagi dua perniagaan iaitu Syarikat Pembinaan (Ruthra Trading) dan Servis Cuci Kereta.

Sepanjang kerjaya beliau, anak ketiga daripada lima (5) beradik ini telah membayai sepenuhnya pendidikan adik perempuannya dalam bidang perubatan dan kini menjadi seorang Doktor di Hospital Putrajaya.

Pada majlis graduan ABM dan CIDB Tech Wilayah Tengah hari ini, seramai 120 pelatih diraikan. Mereka adalah 40% daripada 301 jumlah pelatih yang dilatih di ABM dan CIDB Tech Wilayah Tengah bagi tahun 2022.

Manakala, sepuluh (10) rakan industri telah menerima sijil penghargaan atas jasa dan kerjasama mereka kerana telah menaja dan memberi peluang pekerjaan kepada pelatih-pelatih ABM dan CIDB Tech Wilayah Tengah.

ABM dan CIDB Technologies adalah pusat penilaian dan latihan di bawah CIDB Malaysia yang memberi peluang kepada golongan belia dan personel binaan menjalani latihan kemahiran dalam industri pembinaan. Sehingga kini, ABM dan CIDB Technologies (Wilayah Timur, Utara, Tengah, Selatan, Sabah dan Sarawak). Sehingga kini, lebih dari 100 tred latihan kemahiran pembinaan ditawarkan dan ditaja oleh CIDB Malaysia.

Kampus-kampus ABM dan CIDB Tech beroperasi di kawasan koridor ekonomi seluruh Malaysia termasuk Kuala Lumpur, Kedah, Johor, Terengganu, Sabah dan Sarawak.

Untuk maklumat lanjut sila layari www.cidb.gov.my / www.akademibinaan.com.my / www.cidbtech.com.my

Mengenai CIDB Malaysia

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan

memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

Untuk maklumat lebih lanjut, sila hubungi:

CIDB Malaysia

Noraini Fadzil noraini.fadzil@cidb.gov.my

019 – 226 265

Mansor Ahmad mansor@cidb.gov.my

012-386 4997



RUTHRAGENESH A/L RANGAS PARAN

Penerima Anugerah Ikon TVET Pembinaan 2022

35 Tahun | 12 Oktober 1988

Anak ke 3

PENDIDIKAN

2005 : SPM

2009 : Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan (SKKP)
Program Belia Bidang Pemasang Paip & Sanitari - Tahap 1

KEJAYAAN

Syarikat dan Kerjaya

2005

Setelah tamat SPM beliau bekerja dengan orang. 3 tahun pengalaman kerja tidak boleh *demand* gaji kerana tiada pengiktirafan sebagai pekerja yang kompeten.

2009

Daftar program belia di ABM Wilayah Tengah. Setelah tamat di ABM, berusaha untuk membuka perniagaan sendiri.

2012

Daftar SSM dengan nama peniagaan **Ruthra Trading** ambil projek kecil-kecilan baiki dan penyambungan paip. Sehingga kini, mempunyai 14 orang pekerja (pernah ambil alumni ABM bekerja, dan kini mereka juga buka perniagaan sendiri)

Tahun demi tahun syarikat berkembang, kini syarikat ambil projek bina rumah antaranya projek mengubahsuai dan bina rumah di Cheras, Kajang, Pantai Dalam dan Sentul

2014

Beliau membuka lagi satu perniagaan, Servis Cuci Kereta Ruthra.

Keluarga

- Anak ke 3 dari 5 adik beradik, hasil dari perniagaannya, beliau tagung sepenuhnya pembiayaan pendidikan adiknya dalam Bidang Perubatan dan kini menjadi Doktor di Hospital Putrajaya.
- Sudah berkahwin dan mempunyai dua cahayamata.

Pertandingan

Pertandingan Kemahiran Malaysia ke -18 (Pemasangan Paip)
(29 - 30 oct 2009)

Kebajikan

Program kebajikan
Menderma kepada jiran sekeliling dan saudara yang susah